

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

**Peperiksaan Semester Pertama
Sidang Akademik 1997/98**

September 1997

PLG 531 - PENGUKURAN PENDIDIKAN

Masa : [3 jam]

Jawab 4 soalan dari kedua-dua Bahagian A dan B. Setiap soalan adalah dinilai berdasarkan markah yang sama.

BAHAGIAN A

Soalan 1 adalah diwajibkan. Pilih mana-mana SATU lagi soalan daripada Bahagian ini.

BAHAGIAN B

Pilih mana-mana DUA soalan daripada bahagian ini.

...2/-

BAHAGIAN A

1. a. Beri definisi konsep-konsep berikut :

- i. Markat Benar
- ii. Markat Dapatan
- iii. Markat Selisihan
- iv. Kebolehpercayaan Ujian
- v. Selisihan Pengukuran

b. Apakah yang dimaksudkan dengan model atau persamaan Teori Klasik? Dengan menggunakan andaian-andaian Teori Klasik, tunjukkan dengan menggunakan simbol bagaimanakah terbentuknya rumus kebolehpercayaan ujian iaitu : Varian Markat Benar dibahagi Varian Markat Dapatan.

c. Bagaimanakah pengukuran pembolehubah psikologi (contohnya : pencapaian akademik) berbeza dari pengukuran pembolehubah sains fizikal (contohnya : berat benda)? Apakah implikasi perbezaan ini kepada kebolehpercayaan pengukuran?

[30 markah]

2. a) "Kesahan ialah korelasi antara dua ujian yang berbeza dan kebolehpercayaan ialah korelasi antara dua ujian yang sama."

Huraikan kenyataan di atas dengan memberi contoh-contoh.

b) Tuliskan rumus Indeks Kebolehpercayaan KR20. Apakah sifat-sifat item-item sebuah ujian yang boleh meningkatkan nilai indeks ini. Bolehkah peringkatan nilai indeks KR20 dikaitkan dengan kesahan ujian berkenaan? Mengapa?

c. Beri definisi Kesahan Ujian oleh Messick (1989). Bagaimanakah Interpretasi Kesahan oleh Messick (1989) ini boleh menerangkan berbagai fenomena pengukuran dan pengujian yang berlaku di dalam dan luar bilik darjah. Beri contoh-contoh untuk menyokong jawapan anda.

[20 markah]

...3/-

3. Andaikan anda adalah seorang penasihat mengenai isu pengukuran. Beri nasihat kepada individu berikut berdasarkan kekurangan yang anda jangka wujud semasa individu ini menjalankan aktiviti pengukurannya. Cadangkan bagaimanakah kekurangan tersebut boleh diatasi dengan memberi bukti-bukti melalui pembacaan anda daripada sorotan kajian (literature review) mengenai isu-isu berikut.
- a. Cikgu Kassim mentadbir ujian diagnostik Matematik kepada murid darjah tiga di sekolahnya untuk mengesani kelemahan murid di dalam kebolehan berbahasa Matematik. Cikgu Kassim dapati semua murid yang diuji mendapat markah kosong.
 - b. Cikgu Abdullah membina ujian pelbagai pilihan matapelajaran Ekonomi Asas yang mengandungi 40 item. Dia memberitahu muridnya, bagi setiap item yang salah akan dipotong 1/2 markah.
 - c. Cikgu Khalid mentadbir ujian pelbagai pilihan bagi matapelajaran Matematik Tingkatan Dua yang mengandungi cuma 10 item untuk Peperiksaan Pertengahan Tahun. Didapati indeks kebolehppercayaan ujian ini ialah 0.4.
 - d. Encik Rosman seorang pegawai di Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) telah menyediakan 40 item Ujian Memandu pelbagai pilihan tanpa mengikut prosedur penyediaan ujian.
 - e. Cikgu Hamid mengajar murid darjah enam di sebuah sekolah rendah cara menjawab soalan pelbagai pilihan Matematik tanpa menggunakan jalan panjang. Caranya ialah dengan berpandukan bentuk pokok soalan dan bentuk empat opsyen atau alternatif jawapan di dalam sebuah item tersebut.

[20 markah]

...4/-

BAHAGIAN B

4. a. "Tidak ada perbezaan di antara ujian rujukan kriteria jika dibandingkan dengan ujian rujukan norma." Adakah anda setuju tentang pendapat ini? Beri alasan-alasan anda untuk menyokong pendapat anda.
- b. Bagaimana kebolehpercayaan ujian rujukan kriteria ditafsir berdasarkan :
- i) Teori Klasik (Classical theory)
 - ii) Teori Generalizabiliti (Generalizability theory)
 - iii) Teori Tindakan Item (Item Response Theory)
- c. Huraikan cara-cara anda untuk menentukan kesahan kandungan menggunakan rumus Hamblton dan rakannya

[25 markah]

5. a) Apakah yang anda faham tentang 'pensekilan' (scaling). Huraikan tiga (3) perbezaan di antara persekilan dan skala respons (response set).
- b) Bincangkan perbezaan di antara skala jenis dimensi tunggal dan skala pelbagai dimensi.
- c) Dengan memberi contoh-contoh yang sesuai jelaskan cara-cara untuk menentukan nilai skala yang berikut :
- i) Skala Thurstone
 - ii) Skala Likert
 - iii) Skala Guttman
- d) Huraikan langkah-langkah bagaimana anda menyediakan instrumen dengan menggunakan Skala Likert atau Skala Thurstone untuk mengukur sikap pelajar terhadap mata pelajaran yang diajar.

[25 markah]

...5/-

6. a) Apakah yang anda faham tentang penentuan piawai (standard-setting)?
- b) Bagaimanakah anda mendapatkan penentuan piawai (standard-setting) bagi ujian celik Bahasa atau celik Matematik (litracy test) dengan menggunakan kaedah :
- i) Nedelsky
 - ii) Angoff
 - iii) Ebel
- c) Bezakan kaedah Nedelsky, Angoff dan Ebel daripada "cara yang biasa" dilakukan oleh guru-guru di sekolah pada masa sekarang ini.

[25 markah]

ooo0ooo

